

18/01/1999

Pelbagai faktor dikira sebelum bubar DUN

PENAMPANG, Ahad - Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, hari ini membayangkan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dalam tempoh terdekat ini bagi membolehkan pilihan raya negeri itu diadakan sebelum 18 Mac ini.

Menurutnya, tarikh pembubaran DUN tidak perlu menjadi spekulasi kerana penggal pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) sekarang sudah sampai ke penghujungnya.

Beliau berkata, kerajaan menimbang beberapa faktor setempat sebelum mengumumkan tarikh pembubaran.

Dompok berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga sudah diberi taklimat semalam mengenai persiapan terkini BN negeri menghadapi pilihan raya akan datang.

Beliau bagaimanapun berkata tiada perbincangan khusus dibuat dengan Perdana Menteri berhubung tarikh pembubaran atau soal pengagihan kerusi di kalangan parti komponen BN negeri.

"Saya mengetuai rombongan pemimpin komponen BN berjumpa Perdana Menteri untuk memberi taklimat dan bertukar pandangan mengenai keadaan di Sabah merangkumi soal pembangunan, sosial, banjir dan isu politik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek sumbangan kerajaan negeri sebanyak RM500,000 kepada Foo Tet Kung Temple di Pekan Donggongon, di sini hari ini.

Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah ditanya mengenai pertemuan pemimpin sembilan parti komponen BN negeri dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur semalam. Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, semalam dilaporkan berkata pertemuan itu membincang soal tarikh pilihan raya dan agihan kerusi sesama parti komponen.

Tempoh penggal DUN Sabah sekarang akan berakhir pada 18 Mac ini dan mengikut Perlembagaan, pilihan raya negeri perlu diadakan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pembubaran.

Menurut Dompok, pertemuan dengan Perdana Menteri bukan membincang secara khusus mengenai pilihan raya negeri, sebaliknya ia membincang pelbagai isu semasa secara umum.

Namun, katanya, disebabkan tempoh penggal DUN akan berakhir tidak lama lagi, maka soal pilihan raya turut dibincang. Bagaimanapun, soal tarikh sebenar tidak dibincangkan.

Ditanya bila beliau mahu mengadakan pilihan raya, Ketua Menteri berkata: "Tempoh kerajaan sekarang hampir sampai ke penghujung...maka bukan masa untuk spekulasi. Tiada sebab pun untuk membuat spekulasi."

Menurutnya, antara faktor yang diambil kira sebelum mengumumkan pembubaran ialah soal perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan musim mengerjakan haji oleh masyarakat Islam.

Mengenai kenyataan Osu bahawa parti komponen berpuas hati dengan soal agihan kerusi, Dompok berkata: "Saya fikir pada keseluruhannya parti komponen BN tidak mempunyai perbezaan pendapat yang besar."

Beliau berkata dalam pertemuan dengan Perdana Menteri semalam, pemimpin BN Sabah menyatakan keyakinan untuk mencapai kemenangan, sekali gus memimpin negeri ini memasuki alaf baru nanti.

Katanya, ini berdasarkan penerimaan rakyat terhadap kerajaan BN dalam mentadbir negeri termasuk menangani isu kegawatan ekonomi.

Sehubungan itu, beliau menyangkal kemungkinan akan wujud sebuah kerajaan dengan 'Kabinet tergantung' apabila tiada parti politik yang bertanding

mencapai kemenangan besar.

(END)